



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN PETA MINDA TERHADAP HASIL PENULISAN KARANGAN CERPEN DAN SIKAP PELAJAR

ERNALIDA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(PENGAJIAN WACANA)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian gabungan kuantitatif dan kualitatif ini bertujuan mengkaji kesan Peta Minda Konstruktif Imajinatif (PMKI), Peta Minda Vee (PMV), Peta Konsep (PK) terhadap hasil penulisan cerpen dan sikap pelajar. Kajian kuantitatif menggunakan kaedah kuasi eksperimen dan kaedah tinjauan. Kajian kualitatif pula menggunakan kaedah analisis karangan. Kaedah kuasi eksperimen digunakan untuk mengukur pencapaian penulisan cerpen, manakala kaedah tinjauan digunakan untuk mengukur sikap pelajar. Kaedah analisis karangan digunakan untuk menentukan kualiti karangan cerpen pelajar. Sampel kajian adalah pelajar-pelajar tingkatan 11 Sekolah Menengah Atas Negeri 13 Palembang. Sebanyak 106 pelajar dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu 38 pelajar bagi kumpulan PMKI, 32 pelajar bagi kumpulan PMV dan 36 pelajar bagi kumpulan PK. Instrumen bagi kajian ialah satu set soalan ujian penulisan cerpen pra dan pasca, senarai semak karangan dan soal selidik tentang sikap. Ujian ANOVA Satu Hala digunakan untuk menganalisis pencapaian dalam penulisan karangan cerpen. Kualiti karangan cerpen pula dianalisis dengan menggunakan pendekatan tematik. Selain itu, Cohen's Kappa digunakan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan kualiti karangan. Analisis deskriptif pula digunakan untuk mengetahui min sikap, manakala MANCOVA adalah untuk mengetahui perbezaan subskala sikap keyakinan, kesukaan dan usaha akademik. Korelasi Pearson pula adalah untuk mengetahui hubungan antara ketiga-tiga subskala sikap. Dapatan kajian berasaskan Ujian ANOVA Satu Hala menunjukkan bahawa pencapaian penulisan cerpen yang didedahkan dengan PMKI lebih baik berbanding PMV dan PK, iaitu $F=24.2$, dan $p < 0.05$. Selain itu, kualiti penulisan cerpen pelajar berasaskan isi, struktur dan bahasa bagi kumpulan PMKI lebih baik berbanding PMV dan PK. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa min subskala sikap keyakinan, kesukaan dan usaha akademik lebih tinggi dalam penulisan cerpen dengan menggunakan PMKI berbanding PMV dan PK, iaitu $F=4.1$, dan $p < 0.05$. Kesimpulannya, PMKI memberi kesan positif terhadap hasil penulisan karangan cerpen dan sikap pelajar serta sesuai digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran (PdP). Implikasi kajian ini ialah PMKI dan sikap positif pelajar memberi impak yang tinggi bagi pencapaian dan kualiti karangan cerpen.





EFFECT OF MIND MAP ON THE WRITING OF SHORT STORIES AND THE ATTITUDES OF STUDENTS

ABSTRACT

This mixed method study was aimed to determine the effect of Imaginative Constructive Mind Map (ICMM), Vee Map (VM), and Concept Maps (CM) on students' achievement and attitude in short story writing. The data were analyzed quantitatively and qualitatively through three different methods of analysis: quasi-experimental design, survey methods, and essay analysis. Quasi-experimental design was applied to measure the students' achievement in writing, survey methods was used to measure the students' attitude, and essay analysis was used to analyze the quality of the students' writing. The sample of this study were 106 11th grade students from the Public Senior High School number 13 Palembang. The sample was divided into three groups: 38 students were involved in ICMM, 32 students were involved in VM, and 36 students were involved in CM teaching. The data were collected through three instruments: short writing pretest posttest, a checklist, and questionnaire. ANOVA One-Way Test is used to analyze students' achievement in short writing. Cohen's Kappa was used to check the validity and reliability of the students' writing. Descriptive analysis was applied to describe the students' attitude and MANCOVA was used to find out the difference in attitude, interest and achievement subscale. Pearson correlation was used to find out the correlation among the three attitude subscales. The results showed that the achievement under ICMM was better when compared to the achievement under the VM and CM that is $F=24.2$, and $p < 0.05$. The findings also showed that the average of the attitude, interest and achievement subscale of those who were taught through ICMM was better, that is $F=4.1$, and $p < 0.05$. Therefore, it can be concluded that ICMM gave positive effect on the students' writing achievement and attitudes and can be used for teaching and learning. The implication of this study is that ICMM and students' positive attitude gave high impact on students' writing achievement and quality.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xxi

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	11
1.5	Soalan Kajian	12
1.6	Hipotesis Kajian	13



1.7	Kerangka Konseptual Kajian	13
1.8	Kepentingan Kajian	17
1.9	Batasan Kajian	21
1.10	Definisi Operasional	23

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	37
2.2	Kurikulum SMA Bahasa Indonesia	38
2.3	Teori Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	40
2.4	Teori Pembelajaran Bermakna	46
2.5	Konsep Pembelajaran Peta Minda	49
2.6	Impelementasi Peta Minda dalam Pembelajaran Menulis Cerpen	58

2.7	Pemikiran Kreatif	61
2.8	Penulisan Karangan Cerpen	77
2.9	Sikap Pelajar Berkaitan dengan Penggunaan Peta Minda	85
2.10	Kajian Lepas	86

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	101
3.2	Reka Bentuk Kajian	101
3.3	Sampel dan Lokasi Kajian	110
3.4	Alat Kajian	112
3.5	Sumber Gangguan Kesahan Dalaman	121
3.6	Sumber Kesahan Luaran	129
3.7	Kajian Rintis	132

3.8	Prosedur Pengumpulan Data	137
3.9	Penganalisan Data	140

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	155
4.2	Demografi Responden	157
4.3	Apakah skor min ujian pra dan pasca hasil penulisan karangan cerpen pelajar yang menerima pendedahan aplikasi PMKI, PMV dan PK?	158
4.3.1	Uji Homogeniti dan Signifikan	158
4.3.2	Uji Pra bagi Kumpulan PMKI, PMV dan PK	160
4.3.3	Ujian Pasca bagi Kumpulan PMKI, PMV dan PK	162
4.3.4	Ujian ANOVA Satu Hala bagi Kumpulan PMKI, PMV dan PK	164
4.4	Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara penulisan karangan cerpen pelajar yang menerima pendedahan aplikasi PMKI, PMV dan PK?	165
4.4.1	Ujian Tamhane bagi Kumpulan PMKI, PMV dan PK	165
4.4.2	Ujian Dunnett T3 bagi Kumpulan PMKI, PMV dan PK	167
4.4.3	Data Deskriptif bagi Kumpulan PMKI, PMV dan PK	168
4.4.4	Ujian Jonckheere Terpstra	169
4.4.5	Perbandingan Berpasangan Berasaskan Kumpulan	170
4.5	Apakah kesahan dan kebolehpercayaan kualiti penulisan karangan cerpen pelajar berasaskan nilai pekali persetujuan Cohen's Kappa dari segi isi, struktur dan bahasa sebelum dan selepas pendedahan PMKI, PMV dan PK?	173
4.5.1	Analisis Kualiti Cerpen Berpanduan Skala Persetujuan Cohen's Kappa	174



4.5.2	Analisis Isi, Struktur dan Bahasa Berpandukan Nilai Pekali Persetujuan Pakar	175
4.5.3	Analisis Nilai Persetujuan Cohen's Kappa Berpandukan Gred	176
4.5.4	Analisis Ujian Pra Berpandukan Gred Tatap Kualiti Cerpen	177
4.5.5	Tahap Kualiti Penulisan Cerpen Ujian Pra bagi Kumpulan PMKI	178
4.5.6	Tahap Kualiti Penulisan Cerpen Ujian Pra bagi Kumpulan PMV	179
4.5.7	Tahap Kualiti Penulisan Cerpen Ujian Pra bagi Kumpulan PK	180
4.6	Apakah tahap kualiti penulisan cerpen pada ujian pasca kumpulan PMKI, PMV dan PK?	181
4.6.1	Tahap Kualiti Penulisan Cerpen Ujian Pasca bagi Kumpulan PMKI	181
4.6.2	Tahap Kualiti Penulisan Cerpen Ujian Pasca bagi Kumpulan PMV	183
4.6.3	Tahap Kualiti Penulisan Cerpen Ujian Pasca bagi Kumpulan PK	184
4.7	Nilai Pekali Persetujuan Cohen's Kappa Ujian Pra dan Pasca bagi Kumpulan PMKI	185
4.8	Nilai Pekali Persetujuan Cohen's Kappa Ujian Pra dan Pasca bagi Kumpulan PMV	186
4.9	Nilai Pekali Persetujuan Cohen's Kappa Ujian Pra dan Pasca bagi kumpulan PK	187



4.10 Apakah kualiti hasil penulisan cerpen pelajar dari segi isi, struktur dan bahasa sebelum dan selepas menerima pendedahan aplikasi PMKI, PMV dan PK? 188

4.10.1 Kualiti Berpandukan Hasil Penulisan Cerpen Pelajar dari Segi Isi, Struktur, dan Bahasa Sebelum dan Selepas Menerima Pendedahan Aplikasi PMKI 189

4.10.1.1 Kualiti Karangan Berpandukan Isi Sebelum Didedahkan dengan PMKI 189

4.10.1.2 Kualiti Cerpen Berpandukan Struktur Sebelum Didedahkan dengan PMKI 191

4.10.2 Kualiti Berpandukan Hasil Penulisan dari Segi Isi, Struktur, dan Bahasa Selepas Pendedahan dengan PMKI 202

4.10.2.1 Kualiti Karangan Berpandukan Isi Selepas Didedahkan dengan PMKI 202

4.10.2.2 Kualiti Cerpen Berpandukan Struktur Selepas Didedahkan dengan PMKI 204

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi 4.10.2.3 Kualiti Cerpen Berpandukan Penggunaan Bahasa 211

4.10.3 Kualiti Hasil Penulisan Cerpen Pelajar dari Segi Isi, Struktur, dan Bahasa Sebelum dan Selepas Menerima Pendedahan Aplikasi PMV 215

4.10.3.1 Kualiti Karangan Berpandukan Isi Sebelum Didedahkan dengan PMV 215

4.10.3.2 Kualiti Cerpen Berpandukan Struktur Sebelum Didedahkan dengan PMV 216

4.10.3.3 Kualiti Cerpen Berpandukan Penggunaan Bahasa 223

4.10.4 Kualiti Karangan Berpandukan Isi Selepas Didedahkan dengan PMV 227

4.10.4.1 Kualiti Karangan Berpandukan Isi Selepas Didedahkan dengan PMV 227

4.10.4.2 Kualiti Cerpen Berpandukan Struktur Selepas Didedahkan dengan PMV 228

4.10.4.3	Kualiti Cerpen Berpandukan Penggunaan Bahasa	234
4.10.5	Kualiti Hasil Penulisan Cerpen Pelajar dari Segi Isi, Struktur, dan Bahasa Sebelum dan Selepas Menerima Pendedahan Aplikasi PK	237
4.10.5.1	Kualiti Karangan Berpandukan Isi Sebelum Didedahkan dengan PK	237
4.10.5.2	Kualiti Cerpen Berpandukan Struktur Sebelum Didedahkan dengan PK	238
4.10.5.3	Kualiti Cerpen Berpandukan Penggunaan Bahasa	244
4.10.6	Kualiti Karangan Berpandukan Isi Setelah Didedahkan Dengan PK	248
4.10.6.1	Kualiti Karangan Berpandukan Isi Selepas Didedahkan dengan PK	248
4.10.6.2	Kualiti Cerpen Berpandukan Struktur Selepas Didedahkan dengan PK	249
4.10.6.3	Kualiti Cerpen Berpandukan Penggunaan Bahasa	255
4.11	Apakah skor min sikap pelajar berasaskan subskala sikap keyakinan, kesukaan dan usaha akademik dengan aplikasi PMKI, PMV dan PK?	258
4.12	Adakah terdapat perbezaan yang signifikan anantara sikap pelajar subskala sikap keyakinan, kesukaan dan usaha akademik terhadap aplikasi PMKI, PMV dan PK?	260
4.13	Apakah terdapat hubungan yang positif antara subskala sikap keyakinan, kesukaan dan usaha akademik terhadap penulisan karangan cerpen bagi kumpulan PMKI, PMV dan PK?	266

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI, DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	271
5.2	Rumusan	272

5.3	Perbincangan	274
5.3.1	Perbandingan Skor Min Pencapaian Hasil Penulisan Karangan Cerpen bagi Pelajar Kumpulan PMKI, PMV dan PK.	275
5.3.2	Perbandingan Kualiti Penulisan Karangan Cerpen bagi Kumpulan PMKI, PMV dan PK	283
5.3.3	Perbezaan Sikap Terhadap Aplikasi PMKI, PMV dan PK dalam Pengajaran Penulisan Karangan Cerpen	285
5.4	Implikasi Kajian	295
5.5	Cadangan	297
5.5.1	Cadangan Kajian	297
5.5.2	Cadangan Kajian Lanjutan	298

RUJUKAN

300

LAMPIRAN

308



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Perbezaan antara Karangan Narasi Ekspositoris dan Narasi Sugestif	81
3.1 Skala Persetujuan Cohen's Kappa	107
3.2 Kualiti Penulisan Karangan	115
3.3 Kriteria Skor Penulisan Menulis Cerpen	117
3.4 Item sikap sesuai subskala	118
3.5 Sumber Gangguan Kesahan Dalaman Kajian Kuantitatif	122
3.6 Senarai Kawalan Gangguan, Huraian dan Tindakan	130
3.7 Prosedur Pengumpulan Data	149
3.8 Kod Verbatim Karangan Cerpen	143
3.9 Pengekodan Data	147
3.10 Penyelerasan Sebelum, Semasa, dan Selepas Pengajaran Guru	149
3.11 Pengajaran Penulisan Karangan cerpen	150
3.12 Analisis Data	154
4.1 Taburan Demografi Responden Kajian	157
4.2 Ujian Homogeniti Data	159



4.3	Ujian Signifikan Data dengan Welch dan Brown-Forsythe	159
4.4	Statistik nonparametrik Kruskal-Wallis	160
4.5	Skor Min Ujian Pra Berasaskan Kumpulan	161
4.6	Skor Min Ujian Pasca Berasaskan Kumpulan	162
4.7	Perbandingan Skor Min Berasaskan Ujian Pra dan Pasca	163
4.8	Ujian Signifikansi Perbezaan	164
4.9	Ujian Statistik Tamhane	166
4.10	Ujian Statistik Dunnet T3	167
4.11	Statistik Deskriptif bagi Kumpulan PMKI, PMV dan PK	168
4.12	Ujian Jonckheere Terpstra	169
4.13	Ujian Perbezaan Antara PMKI dan PMV	171
4.14	Ujian Perbezaan Antara PMKI dan PK	172
4.15	Ujian Perbezaan Antara PMV dan PK	173
4.16	Skala Persetujuan Cohen's Kappa	175
4.17	Nilai Persetujuan Pakar Berasaskan Isi, Struktur dan Bahasa Karangan Cerpen	176
4.18	Nilai Persetujuan Pakar Berasaskan Gred Kualiti Cerpen	177
4.19	Taburan Tahap Kualiti Menulis Cerpen Ujian Pra Kumpulan PMKI	178
4.20	Taburan Tahap Kualiti Menulis Cerpen Ujian Pra Kumpulan PMV	179
4.21	Taburan Tahap Kualiti Menulis Cerpen Ujian Pra Kumpulan PK	180
4.22	Taburan Tahap Kualiti Menulis Cerpen Ujian Pasca Kumpulan PMKI	182
4.23	Taburan Tahap Kualiti Menulis Cerpen Ujian Pasca Kumpulan PMV	183

4.24	Taburan Kualiti Menulis Cerpen Ujian Pasca Kumpulan PK	184
4.25	Nilai Pekali Persetujuan Antara Pakar bagi Kumpulan PMKI	186
4.26	Nilai Pekali Persetujuan Antara Pakar bagi Kumpulan PMV	187
4.27	Nilai Pekali Persetujuan Antara Pakar bagi Kumpulan PK	188
4.28	Data Deskriptif Sikap Berasaskan Kumpulan	259
4.29	Ujian MANCOVA bagi Subskala Sikap Keyakinan, Kesukaan dan Usaha Akademik	261
4.30	Perbandingan Skor Min Berdasarkan Kumpulan (PMKI, PMV dan PK)	263
4.31	Korelasi Antara Skor Soal Selidik Sebelum dan Selepas Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	266
4.32	Korelasi Subskala Sikap Keyakinan dengan Kesukaan	268
4.33	Korelasi Subskala Sikap Keyakinan dengan Usaha Akademik	268
4.34	Korelasi Subskala Sikap Kesukaan dengan Usaha Akademik	269



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian bagi Penyelidikan ini	14
1.2	Ciri Peta Minda Buzan	26
1.3	Peta Minda Konstruktif Imajinatif (PMKI)	29
1.4	Model Rancangan Peta Minda Konstruktif Imajinatif dalam Penulisan Cerpen	31
1.5	Contoh Peta Minda Vee (PMV)	32
1.6	Peta Konsep Berbentuk Hierarki	33
3.1	Reka Bentuk Kajian	102
3.2	Kaedah Kuasi Eksperimen	105
3.3	Analisis Nilai Persetujuan Cohen's Kappa	106
3.4	Analisis Karangan Cerpen	139
3.5	Tahap Analisis Karangan Cerpen	142
3.6	Kaedah Tinjauan	148
4.1	Perbezaan Skor Min Subskala Sikap Keyakinan, Kesukaan dan Usha Akademik Pra dan Pasca	265



**SENARAI SINGKATAN**

B	Baik
BBM	Bahan Bantu Mengajar
BB	Bahasa Baik
BC	Bahasa Cemerlang
BK	Bahasa Keputjian
BL	Bahasa Lemah
BNSP	Badan Nasional Standard Pendidikan
BS	Bahasa Sederhana
C	Cemerlang
CM	Concept Maps
Depdiknas	Departemen Pendidikan Nasional
DV	Dependent Variabel
DV	Diagram Vee
FKIP	Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan
IB	Isi Baik
IC	Isi Cemerlang
ICMM	Imaginative Constructive Mind Map





IDV	Independent Variabel
IK	Isi Kepujian
IL	Isi Lemah
IS	Isi Sederhana
K	Kepujian
Kemendikbud	Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan
KKM	Kriteria Ketuntasan Minimal
L	Lemah
MA	Madrasah Aliyah
MIA	Matematika Ilmu Alam
MMKI	Mind Mapping Konstruktif Imajinatif
PB	Pembolehkan Bersandar
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PM	Peta Minda
PMKI	Peta Minda Konstruktif Imajinatif
PMV	Peta Minda Vee
PK	Peta Konsep
Puskur	Pusat Perbukuan dan Kurikulum
PTB	Pembolehkan Tidak Bersandar
RPH	Rancangan Pelajaran Harian
Pr.IS.1.KI	Karangan cerpen pelajar dalam ujian pra dengan gred Isi Sederhana (IS.1) bagi kumpulan PMKI (KI)
Pr.IS.1.MV	Karangan cerpen pelajar dalam ujian pra dengan gred Isi Sederhana (IS.1) bagi kumpulan PMV (dengan Kod MV)





Pr.IS.1.PK

Karangan cerpen pelajar dalam ujian pra dengan gred Isi Sederhana (IS.1) bagi kumpulan PK dengan Kod (PK)

Ps.IS.1.KI

Karangan cerpen pelajar dalam ujian pasca dengan gred Isi Sederhana (IS.1) bagi kumpulan PMKI dengan Kod (KI)

Ps.IS.1.MV

Karangan cerpen pelajar dalam selepas didedahkan dengan PMV dengan gred Isi Sederhana (IS.1) bagi kumpulan PMV dengan Kod (MV)

Ps.IS.1.PK

Karangan cerpen pelajar dalam selepas didedahkan dengan PK dengan gred Isi Sederhana (IS.1) bagi kumpulan PK dengan Kod (PK).

S

Sederhana

SAT

Stoichiometry Achievement Test

SB

Struktur Baik



SC

Struktur Cemerlang

SK

Struktur Kepujian

SL

Struktur Lemah

SMA

Sekolah Menengah Atas

SMP

Sekolah Menengah Pertama

SS

Struktur Sederhana

TTCT

The Torrance Tests of Creative Thinking

Unsri

Universitas Sriwijaya

VM

Vee Map





SENARAI LAMPIRAN

- A Statistik ANOVA Satu Hala
- B Analisis Cohen's Kappa
- C Soal Selidik Sikap Pelajar
- D Kesahan Soal Selidik oleh Pakar
- E Surat Pengesahan bagi Pengumpulan Data
- F Rancangan Pembelajaran Harian
- G Lembar Validasi Rancangan Pembelajaran Harian oleh Pakar
- H Contoh Analisis Cerpen





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Pendidikan merupakan salah satu bidang penting yang menyumbang kepada pembangunan negara. Pelajar di semua institusi pendidikan sama ada di sekolah rendah, menengah atau atas menjadi tonggak bagi pembangunan negara. Mereka diberi tanggungjawab untuk mencapai kemajuan negara. Ekoran itu, pelbagai usaha telah dijalankan oleh pemerintah Indonesia (Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan, 2013).

Salah satu usaha pemerintah Indonesia adalah dengan melaksanakan Kurikulum 2013. Dalam Kurikulum 2013, mata pelajaran Bahasa Indonesia memiliki tujuan





supaya pelajar mampu menerusi mata pelajaran bahasa Indonesia. Tujuannya, pelajar memiliki kemampuan, iaitu (i) berkomunikasi secara efektif dan efisien sesuai etika yang berlaku, (ii) menghargai dan bangga menggunakan bahasa Indonesia sebagai bahasa persatuan dan bahasa negara, (iii) memahami bahasa Indonesia dan menggunakannya dengan tepat dan kreatif untuk pelbagai tujuan, (iv) menggunakan bahasa Indonesia untuk meningkatkan kemampuan intelektual, serta kematangan emosional dan sosial, (v) menikmati dan memanfaatkan karya sastra untuk memperluas wawasan, memperhalus budi pekerti, serta meningkatkan pengetahuan dan kemampuan berbahasa, (vi) menghargai dan membanggakan sastra Indonesia sebagai khazanah budaya dan intelektual bangsa Indonesia (Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan, 2013).



Dalam mewujudkan tujuan tersebut di atas, perlu kurikulum yang lengkap sebagai panduan bagi guru dalam mengajar. Namun kenyataannya, dalam kurikulum tidak dipaparkan bahan-bahan pembelajaran yang dapat diguna pakai oleh guru untuk pengajaran dan pembelajaran (PdP). Padahal ini sangat penting dalam merancang pembelajaran yang berkesan sehingga pembelajaran yang dijalankan di dalam bilik darjah adalah berkualiti baik daripada aspek pencapaian. Guru sebagai agen pedagogi harus kreatif dalam memilih bahan pembelajaran dengan tepat. Oleh itu, penggunaan pelbagai bahan ajar yang berkesan dalam proses pembelajaran adalah penting untuk meningkatkan kualiti dan pencapaian pelajar.





1.2 Latar Belakang Kajian

Bahan Bantu Mengajar (BBM) tidak terdapat dalam kurikulum dan masih banyak yang sekadar berhala tuju pada upaya mengembang dan menguji daya ingatan pelajar atau sekadar difahami. Hal ini menyebabkan kemampuan berfikir pelajar secara kreatif dan kritis tidak wujud. Dengan BBM boleh menambah baik kaedah pengajaran ke arah menggalakkan pemikiran kreatif dan kritis (Awatif Ahmad dan Norizan Esa, 2011).

Berkait dengan bahan yang tepat, maka guru boleh memilihnya untuk melatih pelajar cara-cara memperoleh informasi baharu dan mengolahnya dalam bentuk penulisan yang menunjukkan kecekapan bahasa dan berbahasa. Kecekapan berbahasa merupakan hasil daripada proses berfikir. Berfikir merupakan sebuah proses daripada mencari, mengorganisasikan dan menulis hingga membaiki dan mencerap idea dalam karangan (Brandon & Brandon, 2013). Oleh itu, kecekapan bahasa dan berbahasa harus dipertingkatkan supaya pelajar lebih berkesan dan tentunya selari dengan sukatan mata pelajaran Bahasa Indonesia.

Dalam pembelajaran, bahasa memiliki peranan pusat dalam perkembangan intelektual, sosial dan emosional pelajar dan merupakan penyokong keberhasilan dalam mempelajari semua bidang pengajaran. Pembelajaran bahasa diharapkan menyokong pelajar mengenal dirinya, budayanya dan budaya orang lain. Selain itu, pelajar boleh mengemukakan gagasan dan perasaan, ikut ambil bahagian dalam masyarakat yang menggunakan bahasa tersebut serta menggunakan kemampuan





analitis dan imaginatif yang ada dalam dirinya. Pembelajaran bahasa Indonesia diarahkan untuk meningkatkan kemampuan pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Indonesia dengan baik dan benar, selain menggiatkan apresiasi terhadap hasil karya kesusasteraan bangsa Indonesia.

Pencapaian pelajar yang berkesan tidak dapat tercapai jika guru tidak berperanan dengan baik. Teori belajar Vygotsky (1978) menjelaskan bahawa pelajar perlu memiliki kemampuan pemecahan masalah di bawah bimbingan orang dewasa sampai ianya boleh melakukan sendiri tugas tersebut). Hal ini dikenal dengan konsep zon perkembangan proksimal dan *scaffolding*. Zon perkembangan proksimal merujuk kepada tugas pembelajaran yang sukar dilakukan sendiri oleh pelajar tetapi dapat menguasainya dengan bimbingan orang yang lebih mahir. *Scaffolding* boleh membantu pelajar menguasai konteks pelajaran yang berada dalam zon perkembangan proksimal.



Seorang guru boleh membantu pelajar dalam menggunakan pengetahuan dan pengalaman yang sudah dimiliki untuk membantu memahami masalah atau materi baru. Vigotsky memfokuskan bahawa penstrukturan pengetahuan pelajar dicapai melalui interaksi. Tugas guru adalah bagaimana menyediakan BBM yang boleh membantu pelajar berinteraksi untuk memahami materi pembelajaran dengan berkesan.

Berbahasa yang baik dan benar merupakan kompetensi yang sudah ada dan dimulai di jenjang sekolah dasar. Bucher dan Hinton (2014) memandang penting pembelajaran bahasa untuk memupuk kreativiti dan mengekspresikan gagasan (idea).





Wenzel dan Bropphy (2014) mengemukakan bahawa salah satu keperluan manusia adalah penciptaan untuk mengekspresikan dirinya. Pelajar dapat mengungkapkan perasaan, idea dan gagasannya kepada orang lain melalui bahasa termasuk sastera.

Di Indonesia, pembelajaran Bahasa Indonesia merupakan salah satu mata pelajaran yang wajib diambil oleh pelajar Sekolah Menengah Atas (SMA). Namun kenyataannya, selama ini materi ini kurang diminati oleh pelajar. Hal ini mempunyai impak pencapaian akademik yang kurang baik atau rendah, utamanya dalam sastera. Ini bererti bahawa pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa Indonesia tidak sesuai sukatan. Dalam sukatan mata pelajaran bahasa Indonesia dicantumkan bahawa pelajar harus mampu menggunakan bahasa Indonesia dalam pelbagai teks termasuk teks sastera (Kurikulum 2013).



Berkaitan dengan sastera, perlu membincangkan beberapa aspek seperti tema, kronologi, mesej yang ingin disampaikan, watak, perwatakan dan gaya bahasa yang menggunakan laras bahasa (Adenan Ayob, Mohd Rashid Md Indris dan Mohd Ra'in Shaari, 2010). Penggunaan gaya bahasa merupakan kemampuan dari seorang pengarang dalam mempergunakan atau memainkan ragam bahasa tertentu semasa proses menulis sebuah karya sastera (Suppiah Nachiappan, 2014).

Pembelajaran bahasa Indonesia khususnya sastera masih sukar bagi pelajar tingkatan 11 Sekolah Menengah Atas (SMA). Hasil kajian Susiawati (2014) menunjukkan bahawa pelajar kesulitan dalam pembelajaran sastera. Beberapa kekangan yang dihadapi pelajar seperti menentukan isi karangan, struktur dan





penggunaan bahasa seperti ayat, kosa kata dan ejaan. BBM yang tepat diperlukan untuk membantu pelajar mengelakkan kekangan ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Mata pelajaran Bahasa Indonesia merupakan salah satu daripada mata pelajaran teras yang wajib diambil semua pelajar tingkatan 11 Sekolah Menengah Atas (SMA) iaitu pelajar tingkatan 11 berusia 17-18 tahun. Namun, masalah sering timbul dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Indonesia. Antaranya, dalam pembelajaran sastera amnya dan pembelajaran penulisan cerpen khususnya pencapaian dan kualiti karangan cerpen pelajar rendah. Hal ini disokong oleh kajian Andriani (2012) bahawa pelajar mempunyai markah yang rendah dalam penulisan karangan cerpen. Selari dengan itu, kajian Puspita, Suwignyo dan Karkono (2013) juga menemukan hal yang sama. Banyak pelajar yang kesulitan untuk menulis karangan cerpen.

Kesulitan pelajar amnya berkaitan dengan cara menentukan isi, struktur dan penggunaan bahasa dalam menulis cerpen. Hal ini terjadi kerana sebuah cerpen adalah karya sastera yang berbeza dengan karya lainnya. Isi, struktur dan bahasa dalam penulisan cerpen berbeza dengan karangan jenis lain seumpama argumentasi dan eksposisi. Banyak pelajar tidak tahu bagaimana memulakan sebuah karangan cerpen, klimaks sebuah cerpen dan bagaimana peleraianannya. Apa-apa sahaja aspek





yang ada dalam sesebuah cerpen merupakan hal yang sukar bagi pelajar. Hal ini memberi impak yang rendah dari segi kualiti penulisan cerpen.

Masalah ini juga sebagai impak dari pengaplikasian BBM yang tidak tepat. Guru cenderung menggunakan BBM yang tidak tepat. Impaknya pelajar akan bersikap negatif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran penulisan cerpen. Hasil kajian Adenan Ayob (2012) menyatakan bahawa sikap yang positif adalah penting untuk mendorong seseorang lebih baik dalam belajar.

Penglibatan pelajar secara lebih efektif dapat dilakukan dengan menggunakan peta minda dalam pembelajaran. Di samping itu, penelitian-penelitian yang dilakukan memang banyak difokuskan pada Peta Minda (PM) tetapi tidak mengaitkannya dengan imaginasi dalam menulis cerpen. Hal ini diperkuat oleh Hernowo (2005) bahawa PM ialah cara yang sangat baik untuk menghasilkan gagasan sebelum mulai menulis. PM dapat mengelakkan pelajar daripada halangan penulis. Pemanfaatan PM dalam menulis dapat menyokong kreativiti tanpa batas.

Kajian-kajian yang menyokong mengenai penggunaan PM dalam penulisan karangan dikemukakan oleh beberapa pengkaji. PM yang diguna pakai dalam proses pembelajaran penulisan cerpen dapat menyeronokkan pelajar dalam memahami penulisan dan memberi impak pada pencapaian pelajar. Selari dengan kajian Zamri Mahamod (2012) yang mengemukakan bahawa PM merupakan kaedah yang berkesan untuk mendapatkan semula maklumat daripada ingatan untuk ditukarkan menjadi bentuk yang boleh dilihat. PM dapat membantu pelajar untuk meningkatkan





kecerdasan dan kemahiran berfikir. Hal ini menunjukkan bahawa PM amat berkait rapat dengan kemahiran berfikir seorang pelajar.

Kajian yang menggunakan PM dilakukan oleh Riswanto dan Putra (2012). Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan rawatan yang menggunakan PM dan kumpulan kawalan yang tidak menggunakan PM dalam kemampuan menulis. Hal ini selari dengan dapatan kajian yang menyatakan bahawa PM ialah alat berfikir yang berguna dalam mengambil nota kuliah dan membantu individu menggunakan minda dengan lebih sistematik dan berkesan (Tee Tze Kiong, 2013).



Walaupun banyak kajian yang dijalankan dengan menggunakan PM dalam penulisan, namun kajian mengenai aspek penulisan karangan cerpen adalah terhad. Kajian yang dijalankan Febriani (2010) menggunakan PM hanya untuk menulis paragraf naratif bukan karangan lengkap. Andriyani (2012) juga mengkaji tentang kemampuan menulis cerpen kelas 10 SMA tetapi kajian ini bercorak kajian tindakan. Seterusnya, Puspita, Suwigno & Karnoko (2013) mengkaji PM dalam penulisan cerpen di Sekolah Menengah Pertama kelas 9 di Malang. Daripada ketiga-tiga kajian yang dijalankan tersebut, jelas bahawa masih belum ada pengkaji yang menjalankan kajian tentang perbandingan tiga peta minda untuk melihat pencapaian, kualiti dan melibatkan sikap pelajar. Ketiga-tiga kajian tersebut melihat pencapaian sahaja. Bagi kajian ini meliputi aspek pencapaian, kualiti dan sikap pelajar.





Kajian kualiti karangan cerpen dilihat dari aspek isi, struktur dan bahasa yang dikaitkan dengan gred kualiti seperti cemerlang, kepujian, baik, sederhana dan lemah juga terhad. Beberapa kajian lepas hanya melihat pencapaian secara umum. Kajian Susiawati (2014) yang bercorak kajian tindakan tidak menunjukkan dapatan kajian yang meliputi aspek kualiti. Dapatan kajian hanya dijelaskan bahawa penulisan cerpen pelajar memuaskan. Tidak ada pemaparan mengenai kualiti isi, struktur dan bahasa yang digunakan pelajar dalam penulisan karangan. Kajian lain juga dilakukan Raiska (2014) yang mengkaji penulisan karangan. Kajian ini tidak melihat kualiti karangan secara rinci. Dapatan kajian hanya memaparkan pencapaian secara umum. Selain itu, kedua-dua kajian ini tidak melibatkan sikap dalam kajiannya.

Isu berkaitan dengan sikap pelajar sepatutnya memberi kesan terhadap pencapaian. Pencapaian dalam menulis berkait rapat dengan sikap yang positif dari pelajar. Sikap merupakan kajian yang penting kerana melalui sikap dapat diramalkan tingkah laku seterusnya. Sikap yang positif terhadap pembelajaran akan memberi impak kepada pelajar dan ia akan mengambil bahagian dalam setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Selanjutnya, Bogardus (dalam T.Tuan Mastura, M. Nurzidawati, & O. Kamisah, 2010) menyatakan bahawa sikap merupakan kecenderungan seseorang untuk bertindak balas terhadap faktor-faktor persekitaran. Adenan Ayob (2012) menjalankan kajian sikap belia universiti terhadap penggunaan multimedia. Kajian ini terhad kepada sikap kesukaan dan keyakinan dan tidak dikaitkan dengan penulisan cerpen. Dalam kajian ini sikap terhadap penggunaan PM dalam pembelajaran penulisan karangan cerpen sangat penting. Namun demikian, dari kajian-kajian yang dilakukan belum ada kajian yang dijalankan dengan cara





perbandingan pelbagai PM yang dikaitkan dengan pencapaian, kualiti penulisan cerpen dan sikap pelajar.

Justeru, untuk kajian yang berkesinambungan, pengkaji mengambil kira pandangan-pandangan di atas. Kajian ini cuba mengkaji kesan aplikasi pelbagai PM iaitu Peta Minda Konstruktif Imajinatif (PMKI), Peta Minda Vee (PMV) dan Peta Konsep (PK) terhadap pencapaian, kualiti dalam penulisan karangan cerpen, dan sikap pelajar.

Merujuk kepada permasalahan di atas, pengkaji merasakan amat perlu menjalankan satu kajian menyeluruh untuk menyiasat dan meneroka tentang aplikasi pelbagai jenis peta minda iaitu PMKI, PMV dan PK terhadap hasil penulisan karangan cerpen dan sikap pelajar. Aplikasi pelbagai BBM ini membantu guru memilih BBM yang tepat dalam pembelajaran untuk mempertingkatkan pencapaian dan kualiti penulisan karangan cerpen pelajar.

Sekolah Menengah Atas (SMA) di Indonesia yang sudah menggunakan kurikulum 2013 menetapkan bahawa menulis cerpen merupakan suatu keharusan. Oleh itu, pengajaran menulis cerpen dengan menggunakan pelbagai jenis PM sangat penting untuk mengatasi masalah lemahnya kemampuan pelajar dalam menulis karangan cerpen.





1.4 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk meneroka perbandingan aplikasi PMKI, PMV dan PK terhadap hasil penulisan karangan cerpen dan sikap pelajar. Secara khusus objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Membandingkan skor min karangan cerpen pelajar bagi ujian pra dan pasca dari segi pencapaian antara kumpulan pelajar yang didedahkan dengan pengaplikasian PMKI, PMV dan PK.
- ii. Menganalisis kesahan dan kebolehpercayaan kualiti karangan cerpen pelajar berasaskan nilai persetujuan Cohen's Kappa dari segi isi, struktur dan bahasa sebelum dan selepas bagi kumpulan yang menerima pendedahan aplikasi PMKI, PMV dan PK.
- iii. Menganalisis kualiti karangan cerpen pelajar dari segi isi, struktur dan bahasa sebelum dan selepas menerima pendedahan aplikasi PMKI, PMV dan PK.
- iv. Membandingkan skor min sikap pelajar berdasarkan subskala sikap keyakinan, kesukaan, dan usaha akademik antara kumpulan yang didedahkan dengan pengaplikasian PMKI, PMV dan PK dalam penulisan cerpen.
- v. Mengenal pasti hubungan sikap pelajar berasaskan hubungan antara: subskala sikap keyakinan dengan subskala sikap kesukaan, subskala sikap kesukaan dengan subskala sikap usaha akademik dan subskala sikap keyakinan dengan subskala sikap usaha akademik terhadap pengaplikasian PMKI, PMV dan PK dalam penulisan cerpen.





1.5 Soalan Kajian

Soalan kajian ditentukan menerusi objektif-objektif kajian di atas. Soalan kajian adalah seperti yang berikut:

- i. Apakah skor min ujian pra dan pasca hasil penulisan karangan cerpen pelajar yang menerima pendedahan aplikasi PMKI, PMV dan PK?
- ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara penulisan cerpen pelajar yang menerima pendedahan aplikasi PMKI, PMV dan PK?
- iii. Apakah kesahan dan kebolehpercayaan kualiti penulisan karangan cerpen pelajar berasaskan nilai pekali persetujuan Cohen's Kappa dari segi isi, struktur dan bahasa sebelum dan selepas pendedahan aplikasi PMKI, PMV dan PK?
- iv. Apakah kualiti hasil penulisan karangan cerpen pelajar dari segi isi, struktur dan bahasa sebelum dan selepas menerima pendedahan aplikasi PMKI, PMV dan PK?
- v. Apakah skor min sikap pelajar berdasarkan subskala sikap keyakinan, kesukaan dan usaha akademik dengan aplikasi PMKI, PMV dan PK?
- vi. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap pelajar subskala sikap keyakinan, kesukaan dan usaha akademik terhadap aplikasi PMKI, PMV dan PK?
- vii. Adakah terdapat hubungan yang positif antara subskala sikap keyakinan, kesukaan dan subskala sikap usaha akademik terhadap aplikasi PMKI, PMV dan PK?



1.6 Hipotesis Kajian

Dalam kajian ini tiga hipotesis dikenal pasti. Hipotesis berarah digubal dan digunakan dengan berdasarkan ciri data yang seragam, iaitu varian dalam populasi adalah sama. Pernyataan ini adalah menerusi pandangan Lay Yoon Fah dan Khoo Chwee Hoon (2013). Hipotesis kajian dibuat berdasarkan soalan-soalan kajian. Hipotesis adalah seperti yang berikut.

Ha₁ Perbezaan skor min pencapaian antara pelajar yang didedahkan dengan aplikasi PMKI, PMV dan PK dalam penulisan karangan cerpen adalah signifikan.


Ha₂ Perbezaan skor min sikap pelajar yang didedahkan dengan pengaplikasian PMKI, PMV dan PK dalam penulisan karangan cerpen adalah signifikan.

Ha₃ Hubungan antara subskala sikap keyakinan, kesukaan dan usaha akademik terhadap aplikasi PMKI, PMV dan PK dalam penulisan karangan cerpen adalah positif.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini berasaskan BBM PM yang digubal oleh Buzan (1970). PM Buzan mengandungi ciri iaitu imej berpusat, imej cawangan, imej subcawangan dan imej tepat. Kerangka konseptual kajian dapat dilihat dalam Rajah 1.1 seperti yang berikut.





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian bagi Penyelidikan ini

Rajah 1.1 menunjukkan bahawa kajian ini melihat perbandingan kesan tiga PM iaitu PMKI, PMV dan PK terhadap hasil penulisan karangan cerpen dan sikap pelajar. Ketiga-tiga kumpulan ini merupakan data input. Kajian ini mengandungi dua pembolehubah iaitu pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar. Pembolehubah tidak bersandar (PTB) atau Independent Variabel (IDV) kajian ini adalah PMKI, PMV dan PK sebagai sebuah bahan pembelajaran dalam penulisan



cerpen. Pembolehubah bersandar (PB) atau Dependent Variabel (DV) dalam kajian ini adalah pencapaian, kualiti dan sikap pelajar.

Di dalam PM PMKI terdapat empat aspek iaitu imej berpusat, imej cawangan, imej subcawangan dan imej tepat. Imej berpusat adalah lingkaran pertama yang terdapat di tengah-tengah kertas untuk menetapkan isi atau tema karangan pelajar yang berfungsi sebagai idea utama. Di dalam pembelajaran guru merangsang pemikiran pelajar melalui berbagai-bagai pertanyaan tentang tema kemanusiaan yang boleh ditulis sebagai imej berpusat. Seterusnya, imej cawangan ialah gambar yang diletakkan pada bahagian garis kedua setelah imej berpusat. Dalam imej cawangan pelajar memikirkan apa-apa yang berkait dengan imej berpusat atau idea pokok hingga imej berpusat memiliki cabang-cabang dari garis pertama. Imej subcawangan adalah cabang ketiga dari imej berpusat untuk menuliskan kata-kata yang berkait dengan imej berpusat dan imej cawangan. Dalam pembelajaran, pelajar memikirkan pelbagai pertanyaan tentang kata-kata yang ditulis di bahagian imej cawangan dan menuliskan kata-kata yang berkait dengan imej cawangan. Terakhir, imej tepat ialah garis terakhir yang menunjukkan apa yang akan ditulis pelajar dalam karangan sesuai dengan struktur karangan. Dalam pembuatan imej ini boleh ditambahkan warna, gambar, garis dan kod-kod lainnya sesuai kreativiti setiap pelajar. Menurut Buzan, imej dalam PM ini boleh merangsang kreativiti dan memori pelajar kerana gambar ini boleh membangun visual dan hubungan yang bermakna antara idea-idea yang mudah difahami. Keempat-empat aspek inilah yang digunakan sebagai panduan penulisan cerpen dalam pembelajaran.





Rajah 1.1 juga menunjukkan bahawa pendedahan PMKI, PMV dan PK memberi kesan terhadap hasil penulisan cerpen. Hasil penulisan cerpen dapat dilihat dari dua segi iaitu pencapaian dan kualiti. Pencapaian dilihat dari hasil ujian pra dan pasca bagi ketiga-tiga kumpulan PMKI, PMV dan PK. Dalam penulisan cerpen dilihat kualiti dari segi isi, struktur dan bahasa. Dari segi isi hasil penulisan karangan cerpen dilihat dari kesesuaian tema. Dari segi struktur dilihat aspek bahagian awal cerita (abstraksi), awal kejadian cerita atau latar belakang cerita (orientasi), komplikasi (munculnya masalah/konflik dalam cerita), evaluasi (penilaian pada suatu cerita), resolusi (solusi atau penyelesaian dari sebuah cerita) dan kod atau bahagian akhir dari cerita. Dari segi bahasa dilihat dari segi ayat, kosa kata, ejaan dan tanda baca. Analisis kualiti penulisan cerpen dilakukan sesuai aspek isi, struktur dan bahasa berdasarkan gred iaitu cemerlang, kepujian, baik, sederhana dan lemah.



Kajian mengenai sikap terdiri dari tiga subskala sikap, iaitu subskala sikap keyakinan, subskala sikap kesukaan dan subskala sikap usaha akademik. Kajian ini melihat perbezaan skor min sikap sebelum mahupun selepas bagi ketiga-tiga kumpulan yang didedahkan dengan PMKI, PMV dan PK. Kajian sikap pula melihat hubungan antara subskala sikap iaitu hubungan subskala sikap keyakinan dengan subskala sikap kesukaan, hubungan subskala sikap kesukaan dengan subskala sikap usaha akademik dan hubungan subskala sikap keyakinan dengan subskala sikap usaha akademik. Hubungan positif ketiga subskala sikap ini memberi impak yang baik terhadap hasil penulisan cerpen.





1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk kepentingan pelbagai-bagai pihak dalam upaya mempertingkatkan proses dan hasil belajar. Bahasa Indonesia amnya dan pembelajaran penulisan cerpen khususnya dengan menggunakan BBM. Kajian yang dijalankan mempunyai beberapa kepentingan kepada penyelidik dan pihak tertentu. Kajian ini diharapkan boleh dimanfaatkan oleh Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan, pengajaran dan pembelajaran (PdP), pelajar, guru dan penggubal kurikulum.

1.8.1 Bagi Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan



Kajian ini boleh dimanfaatkan oleh beberapa pihak, khususnya Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia yang turut memberikan input dalam penggunaan bahan bantu mengajar. Kajian perbandingan ini membabitkan hasil penulisan karangan cerpen (pencapaian dan kualiti) dan sikap pelajar yang dapat diguna pakai sebagai panduan dalam melaksanakan PdP di sekolah khususnya di Sekolah Menengah Atas (SMA). Kajian ini juga boleh memberi pemahaman tentang penggunaan BBM iaitu PMKI, PMV dan PK sebagai alternatif bahan pembelajaran dalam penulisan karangan cerpen.

Kajian ini turut menyokong usaha pihak Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan dalam menggiatkan penggunaan PMKI sebagai bahan dalam pengajaran dan pembelajaran menulis cerpen yang bestari. Setakat ini, penggunaan PMKI dalam





pengajaran dan pembelajaran penulisan cerpen masih belum meluas. Walaupun terdapat penggunaan PM pemikiran kreatif model Buzan seumpama itu, kesannya dari aspek pencapaian, kualiti, sikap tidak diuji dan disesuaikan dengan teori pembelajaran. Dan kajian terdahulu belum sampai pada fokus perbandingan pelbagai bahan pembelajaran yang diguna pakai dalam PdP.

Kajian ini penting untuk meneroka perbandingan pelbagai bahan pembelajaran yang lebih baik untuk pembelajaran penulisan cerpen. Justeru, dapatan yang positif daripada kajian ini begitu penting untuk meyakinkan pihak Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan bahawa dengan menggunakan PMKI dalam penulisan cerpen dapat mempertingkatkan pencapaian dan kualiti cerpen dari segi isi, struktur dan bahasa. Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan dapat mencadangkan dapatan kajian ini sebagai panduan dalam penentuan BBM penulisan karangan dalam pembelajaran bahasa Indonesia dan mencadangkan kepada penulis buku yang ada di Pusat Perbukuan dan Kurikulum untuk menulis buku ajar yang dilengkapi dengan BBM PM.

1.8.2 Bagi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Penggunaan BBM sangat penting dalam PdP. Namun perlu pertimbangan yang baik dalam memilih BBM agar proses pembelajaran berkesan. PMKI dapat digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Indonesia amnya dan pembelajaran penulisan cerpen khususnya. BBM ini dapat mengelakkan kesulitan dalam





pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Impaknya PdP yang dijalankan akan berkesan.

1.8.3 Bagi Pelajar

Bagi pelajar dapatan yang positif daripada kajian ini akan mendorong pelajar supaya lebih seronok mengikuti pembelajaran dengan PMKI sebagai BBM dalam penulisan karangan cerpen. Hasil daripada kajian ini juga dapat membantu pelajar mengetahui kaedah isi, struktur dan bahasa dalam penulisan karangan cerpen. Bagi pelajar pula, dapatan kajian ini dapat mengelakkan kesulitan pelajar dalam penulisan karangan cerpen. Bahan ini boleh diguna pakai oleh pelajar sebagai panduan dalam penulisan cerpen berlandaskan langkah-langkah yang mudah dan sistematik.

Bagi pelajar pula, dapatan kajian ini juga memudahkan pelajar untuk membuat penilaian tentang tahap pencapaian dan kualiti dengan melibatkan pengetahuan dalam penulisan karangan cerpen dari segi isi, struktur dan bahasa. Oleh itu, pelajar juga dimotivasikan untuk terus berusaha dalam mempertingkatkan tahap pencapaian dan kualiti yang diperlukan. Hal ini turut memanfaatkan pelajar dari segi panduan untuk memperoleh kelulusan yang terbaik dalam mata pelajaran bahasa Indonesia khususnya penulisan karangan cerpen. Hal ini mengingatkan mata pelajaran Bahasa Indonesia ialah mata pelajaran yang penting dan wajib diambil oleh pelajar. Selain itu, bagi pelajar kajian tentang BBM ini juga membantu pencapaian keseluruhan dalam peperiksaan.





Hasil kajian ini juga turut menyumbang kepada perkembangan pendidikan semasa. Secara realitinya, pelajar mengutamakan penggunaan bahan pengajaran PMKI dalam pembelajaran penulisan karangan cerpen. Sehubungan dengan itu, penggunaan PMKI menjadi salah satu daripada keperluan mereka dalam menghadapi proses PdP.

Kualiti hasil penulisan karangan cerpen berbahasa Indonesia akan dapat dipertingkatkan jika terdapat penggunaan bahan bantu mengajar yang begitu sesuai dalam memudahkan sesi pengajaran guru. Penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran yang berkesan adalah berlandaskan ciri mesra pengguna, praktikal, mudah dan sistematik. Oleh yang demikian, BBM yang digunakan oleh guru sewajarnya berupaya memanfaatkan pelajar dalam penulisan



karangan cerpen yang berkualiti.

1.8.4 Bagi Guru

Dapatan kajian ini turut memberikan manfaat dan panduan kepada guru dalam menjalankan sesi pengajaran penulisan karangan cerpen kepada pelajar. Bahan bantu mengajar ini juga dapat membantu guru menyelaraskan kesesuaian penggunaan bahan bantu mengajar yang lain dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Segala panduan untuk memperkenalkan bahan yang baharu perlu dirujuk kepada kehendak sesuatu sukatan pelajaran, termasuk kriteria-kriteria lain yang berkaitan seperti objektif pembelajaran yang hendak dicapai.





Hasil kajian ini penting bagi mereka untuk merancang penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran, khususnya bahan bantu mengajar yang berasaskan Peta Minda Konstruktif Imajinatif. Hasil kajian ini juga boleh diguna pakai oleh guru sebagai pilihan lain dalam pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan bahan bantu mengajar agar pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan guru lebih berkesan.

1.8.5 Bagi Penggubal Kurikulum

Bagi penggubal kurikulum, hasil kajian ini diharapkan dapat membantu kalangan pentadbir di institusi-institusi pendidikan dalam menentukan penggunaan bahan bantu mengajar dengan tepat. Hal ini dilakukan untuk membantu upaya agen pedagogi membestarikan bidang pendidikan negara.



Pusat Perbukuan dan Kurikulum (Puskur) dapat mencadangkan dapatan kajian ini dalam penyusunan kurikulum. Keberkesanan BBM PMKI dalam pembelajaran Bahasa Indonesia, khususnya pembelajaran penulisan cerpen memberi pilihan kepada Pusat Kurikulum untuk melengkapi penyusunan kurikulum yang dilaksanakan di Indonesia.

1.9 Batasan Kajian

Dalam kajian ini terdapat beberapa batasan kajian yang telah dikenal pasti. Batasan pertama adalah bersangkutan dengan skop kajian ini hanya terbatas kepada





pengaplikasian PMKI, PMV dan PK sebagai BBM dalam pembelajaran menulis cerpen pelajar tingkatan 11 Sekolah Menengah Atas (SMA) di Palembang Sumatera Selatan Indonesia.

Batasan kedua, kajian ini melibatkan sampel yang terdiri daripada pelajar tingkatan 11 Sekolah Menengah Atas nombor 13 di Palembang Sumatera Selatan. Sampel kajian berjumlah 106 orang pelajar yang terdiri dari tiga kelas. Ketiga-tiga kelas termasuk kumpulan yang belajar aliran Matematik Ilmu Alam (MIA). Ketiga-tiga kumpulan memiliki beberapa persamaan ciri iaitu umur, aliran kelas dan pencapaian.

Kajian ini menggunakan kelas yang sudah ada dalam sesuatu reka bentuk eksperimen. Oleh itu juga, dapatan kajian ini terbatas kepada sampel yang dikaji serta tidak dapat digeneralisasikan kepada populasi lebih besar. Dengan lain perkataan, fokus kajian ini adalah untuk meninjau sama ada terdapat perbezaan terhadap pencapaian penulisan karangan cerpen pelajar, selain meninjau sama ada terdapat perbezaan sikap pelajar terhadap pengaplikasian PMKI, PMV dan PK. Justeru, untuk membolehkan dapatan kajian ini digeneralisasikan kepada populasi yang lebih besar, replikasi bagi kajian ini perlu dilakukan.

Batasan ketiga, kajian ini hanya dapat membentangkan hasil perbandingan kajian antara pelajar yang didedahkan dengan aplikasi PMKI, PMV dan PK. Pengkaji memilih ketiga-tiga BBM ini untuk panduan penulisan karangan cerpen pelajar tingkatan 11 SMA 13 Palembang.





Batasan keempat, kajian ini juga membataskan penulisan karangan cerpen. Kajian ini dilakukan untuk meninjau hasil penulisan karangan cerpen baik dari segi pencapaian mahupun kualiti penulisan cerpen. Kajian sikap juga terhad pada tiga subskala sikap iaitu subskala sikap keyakinan, subskala sikap kesukaan dan subskala sikap usaha akademik.

Data yang dikumpul dalam kajian ini adalah data daripada ujian pra dan pasca hasil penulisan karangan cerpen dan soal selidik sikap pelajar. Data berupa skor ujian pra dan pasca, dan skor item mengikut subskala sikap pelajar iaitu subskala sikap keyakinan, subskala sikap kesukaan, dan subskala sikap usaha akademik.

Kajian ini juga dibataskan untuk mengambil kira kesungguhan pelajar untuk menghasilkan karangan cerpen, sama ada dalam ujian pra dan pasca bagi ketiga-tiga kumpulan PMKI, PMV dan PK. Pengkaji mengutamakan komitmen pelajar yang terbabit dalam kajian ini. Pelajar dapat memanfaatkan kajian ini dengan kesungguhan seperti dalam peperiksaan sebenar untuk meningkatkan pencapaian dan kualiti dalam penulisan karangan cerpen.

1.10 Definisi Operasional

Beberapa definisi operasional digunakan dalam kajian ini. Huraian mencakup beberapa konsep tentang PMKI, PMV dan PK, hasil penulisan karangan cerpen dan sikap pelajar.





1.10.1 Peta Minda (PM)

PM ialah bahan yang digunakan untuk mengembangkan kemahiran mengorganisasikan maklumat dan menghuraikan sesuatu konsep secara teratur dan sistematik dalam minda. PM dibuat berdasarkan hasil pemikiran yang tertuang dalam bentuk gambar peta minda. PM adalah suatu kemahiran mengorganisasikan maklumat yang membantu pelajar memahami sesuatu konsep atau objektif.

PM merupakan bahan pembelajaran yang dikembangkan oleh Tony Buzan di awal tahun 1970. Sistem penyimpanan dan penarikan data (informasi) yang sangat luar biasa terdapat di dalam otak manusia (Buzan, 2010). Secara umum PM ini disebut juga pemikiran kreatif model Buzan. PM ini dapat diertikan sebagai suatu alternatif pemikiran keseluruhan otak terhadap pemikiran yang terputus-putus. Hal ini berarti bahawa pemikiran kreatif model Buzan merupakan suatu cara berfikir yang menghubungkan satu data dengan data yang lain kemudian dihipunkan menjadi satu kesatuan yang utuh.


Lebih spesifik, pemikiran kreatif model Buzan adalah suatu bentuk atau cara menempatkan informasi ke dalam otak dan mengambil informasi ke luar dari otak secara visualisasi. Pemikiran kreatif model Buzan adalah suatu kemahiran mengorganisasikan maklumat dan menghuraikan sesuatu konsep secara teratur dan sistematik dalam minda. Dengan kata lain, pemikiran kreatif ini adalah cara memetakan fikiran-fikiran dalam bentuk gambar yang berwarna.





Buzan (2010) memaparkan empat ciri yang terdapat dalam PM. Kajian ini mengikut teori Buzan tersebut. Keempat-empat ciri tersebut iaitu imej berpusat, imej cawangan, imej subcawangan dan imej tepat. Dalam kajian ini imej berpusat ialah tema atau isi yang sudah ditentukan guru dalam pembelajaran iaitu tema kemanusiaan. Fokusnya adalah dari segi tema cerita yang dihasilkan oleh pelajar tentang apa-apa sahaja yang berkait dengan kemanusiaan seperti kemiskinan, ketidakadilan, anak jalanan, kehidupan sosial dan lain-lain. Imej cawangan adalah cabang kedua dari imej berpusat yang dihubungkan dengan garis untuk menuliskan kata-kata yang berhubungan dengan imej berpusat, misalnya kemiskinan berkaitan rapat dengan tempat tinggal yang kumuh, makanan yang tidak mencukupi, pakaian yang sederhana dan lain-lain sesuai kreativiti dan kemampuan berfikir pelajar. Imej subcawangan berkait dengan cabang ketiga yang berisi kata-kata yang sesuai untuk memaparkan imej cawangan seperti tempat tinggal yang kumuh. Kata-kata yang sesuai untuk itu seperti rumah yang sempit, jalan kotor, tidak teratur dan lain-lain. Imej tepat adalah cabang terakhir yang menghubungkan imej subcawangan dengan imej tepat. Pada bahagian ini, pelajar merinci imej subcawangan dengan menggunakan kata-kata yang berkait dengan imej subcawangan misalnya jalan kotor. Dalam imej tepat, pelajar menemukan kata-kata yang tepat untuk menggambarkan jalan kotor seperti kata-kata sampah berserakan, jalan tergenang air dan lain. PM ini boleh diberi warna agar lebih menarik. PM dengan empat ciri ini dapat dilihat sebagai berikut.





Rajah 1.2. Ciri Peta Minda Buzan

PM ini adalah suatu kemahiran mengorganisasikan maklumat yang membantu pelajar memahami sesuatu konsep atau objektif. Zamri Mahamod (2012) mengemukakan PM ini merupakan kaedah yang berkesan untuk mendapatkan semula maklumat daripada ingatan untuk ditukarkan menjadi bentuk yang boleh dilihat. PM dapat membantu pelajar untuk meningkatkan kecerdasan dan kemahiran berfikir. Hal ini menunjukkan bahawa PM amat berkait rapat dengan kemahiran berfikir seorang pelajar.

PM dapat digunakan untuk menyampaikan kata-kata, idea-idea (fikiran), tugas-tugas atau hal-hal lain yang dihubungkan dari idea ke otak. Bahan pembelajaran ini juga digunakan untuk menggeneralisasikan, memvisualisasikan serta mengklasifikasikan idea-idea, dan sebagai bantuan dalam belajar, mengorganisasikan idea-idea, memecahkan masalah, dan mengambil keputusan dalam membaca dan menulis.



Adapun kelebihan peta minda dalam pelaksanaan pembelajaran menulis cerpen dalam bilik darjah adalah pelajar menjadi lebih kreatif, terampil, dan terpacu untuk mengungkapkan idea (fikiran/gagasan) yang mereka miliki ke dalam bentuk tulisan(karangan). Berbeza halnya dengan bahan konvensional yang membuat pelajar sukar untuk mengungkapkan idea/gagasan pada saat menulis. Peta minda adalah cara yang baik untuk menghasilkan dan menata gagasan sebelum mulai menulis.

Dalam menulis sangat penting merangka karangan dalam bentuk peta minda. Hal ini bersesuaian dengan pemikiran logik kerana penyediaan rangka karangan lebih merangsang pemikiran dan kreativiti penulis. Apalagi menulis untuk tujuan kesusasteraan seperti cerpen mempunyai ciri-ciri stilistik, iaitu gaya bahasa penulisan, termasuk struktur dan pola pada peringkat frasa dan keseluruhan karangan (Adenan Ayob, Kamariah Abu Bakar, Zakaria Kasa, & Aida Suraya Md. Yunus (2011). Oleh itu, peta minda dapat memberikan gambaran skop yang sesuai dengan tema atau isu karangan (Awang Sariyan, 2015).

1.10.2 Peta Minda Konstruktif Imajinatif (PMKI)

PMKI ialah BBM yang membabitkan minda dalam menulis karangan cerpen dengan cara membuat gambar peta minda terlebih dahulu. Konstruktif bermakna membina minda pelajar berdasarkan pengetahuan sedia ada dalam menulis cerpen dan dirangka melalui pembuatan peta minda. Imajinatif bermakna membina imajinasi pelajar untuk menulis cerpen dengan cara membayangkan (berimajinasi) tentang sebuah





cerita. Pelajar berimajinasi misalnya tentang isi cerita, tokoh, penokohan, jalan cerita, sudut pandang dan bahasa yang digunakan dalam menulis cerpen.

PMKI ialah bahan pembelajaran yang digunakan dalam pembelajaran yang menyokong pelajar untuk berfikir kreatif yang dapat membantu pelajar dalam menulis cerpen. Menulis cerpen berbantuan Peta Minda Konstruktif Imajinatif adalah kegiatan yang dilakukan pelajar dalam menulis karangan yang bersifat imajinatif dalam hal ini karangan cerpen.


PMKI ini diberi warna. Pewarnaan dalam PMKI sangat penting untuk memberi visualisasi yang berbeza pada tiap-tiap topik dan cabang dari pemikiran kreatif model Buzan. Warna pada peta minda juga memberi nuansa menyenangkan dan dapat memacu kreativiti pelajar untuk membuat gambar yang menarik dengan warna yang tepat. Hal ini memberi peluang yang besar bagi pelajar untuk mengekspresikan diri melalui peta minda sesuai dengan keinginan mereka. Hal ini juga berarti bahawa dengan peta minda atau pemikiran kreatif model Buzan dapat membebaskan pelajar daripada kongkongan keseragaman.

Dalam membuat peta minda ada beberapa langkah yang harus dilakukan oleh pelajar. Langkah-langkah tersebut disusun secara sistematis dan logis supaya dapat benar-benar membantu pelajar dalam pembelajaran penulisan karangan cerpen dengan baik (Kemdikbud, 2013). Terdapat 10 langkah untuk membuat peta minda seperti yang berikut:

- i. Menuliskan tema cerpen di tengah-tengah kertas kosong dengan satu atau dua kata.



- ii. Menuliskan gambaran isi cerpen pada cabang pertama tentang aktiviti tokoh misalnya pesta perkahwinan
- iii. Menuliskan latar belakang terjadinya awal kejadian cerpen pada garis lengkung kedua
- iv. Menuliskan konflik apa yang terjadi dalam cerpen pada garis lengkung ketiga.
- v. Menuliskan penilaian pada cerpen misal penilaian terhadap tokoh pada garis lengkung keempat
- vi. Menuliskan penyelesaian atau peleraian dalam cerpen pada garis lengkung kelima.
- vii. Menuliskan peristiwa pada bahagian akhir cerpen untuk menandai cerpen sudah selesai.
- viii. Menambahkan garis lengkung pada bahagian kedua, ketiga dan seterusnya sesuai daya imaginasi
- ix. Mewarnai gambar PMKI yang sudah terbentuk sesuai keinginan
- x. Menulis cerpen sesuai dengan tema, dan gambar PMKI dengan menggunakan ayat, kosa kata dan ejaan yang benar




Rajah 1.3. Peta Minda Konstruktif Imajinatif (PMKI)



Bahan bantu mengajar PMKI yang sudah dibuat pelajar dapat diguna pakai untuk melanjutkan aktiviti pada penulisan cerpen. Cerpen ditulis berasaskan bahan bantu mengajar dalam 10 langkah (L1-L10). Model bahan bantu mengajar PMKI terdapat pada Rajah 1.4.






Rajah 1.4. Model Rancangan Peta Minda Konstruktif Imaginatif dalam Penulisan Cerpen



1.10.3 Peta Minda Vee (PMV)

PMV sering juga disebut dengan Diagram Vee (DV). PMV adalah sebuah diagram yang dapat digunakan untuk membantu memecahkan masalah atau memahami suatu prosedur. Thoron (2012) mengemukakan bahawa PMV ialah alat bantu yang dapat digunakan untuk memahami suatu prosedur dalam pembelajaran. PMV memiliki dua sisi, iaitu sisi konseptual dan sisi metodologi. Kedua sisi tersebut saling berinteraksi untuk membina pengetahuan pelajar dalam menulis karangan cerpen. Untuk melihat Rajah PMV dapat dilihat Rajah 1.5 berikut.




Rajah 1.5. Peta Minda Vee (PMV)

Rajah 1.5 menunjukkan bahawa PMV merupakan BBM yang digunakan untuk memecahkan masalah dan memahami suatu prosedur. PMV mempunyai dua sisi konseptual dan metodologi yang melatih pelajar berfikir secara saintifik.



1.10.4 Peta Konsep (PK)

PK ialah BBM yang digunakan dalam aktiviti di kelas yang berbentuk diagram yang menghubungkan idea satu dengan yang lainnya dalam menulis karangan cerpen. PK adalah gabungan tentang sesuatu tema, isi, pendapat, tanggapan idea atau gagasan yang kemudian dibentuk dalam satu kerangka gagasan yang bermakna. PK dapat digunakan sebagai upaya dalam pembelajaran yang lebih bermakna dan efektif (Kamisah Osman, Wahidin dan Subahan Mohd Meerah, 2013). Selanjutnya, Sellmann, Anne K.L dan Franz X. B. (2015) mengemukakan bahawa PK dapat berfungsi sebagai alat untuk menganalisis konsep dalam sains. PK ialah cara pemetaan konsep dengan menggunakan kata penghubung yang menunjukkan adanya perkaitan antara dua atau lebih konsep. Perkaitan antara dua atau lebih konsep ini dapat memandu pelajar untuk menuliskan gagasan dengan baik. Rajah 1.6 berikut adalah contoh Rajah PK.



Rajah 1.6. Peta Konsep berbentuk hierarki



1.10.5 Hasil Penulisan Karangan Cerpen

Hasil penulisan karangan cerpen ialah pencapaian pelajar berdasarkan skor ujian pra, pasca dan kualiti bagi ketiga-tiga kumpulan PMKI, PMV dan PK. Kualiti dianalisis berdasarkan gred. Hasil penulisan karangan cerpen diasaskan pada analisis mengikut kriteria isi, struktur dan bahasa. Isi berkenaan dengan tema atau isi keseluruhan dari karangan cerpen. Struktur dibagi dalam enam aspek iaitu abstraksi atau gambaran tentang isi cerpen, orientasi (awal kejadian cerita atau latar belakang terjadinya peristiwa), komplikasi atau konflik dalam cerita, evaluasi atau penilaian pada suatu cerita, resolusi atau penyelesaian dari sebuah cerita dan kod atau bahagian akhir dari cerita. Kualiti pula dianalisis berdasarkan gred iaitu cemerlang, kepujian, baik, sederhana dan pencapaian minimum (lemah). Ciri yang terdapat kriteria isi adalah idea atau tema, struktur seperti alur (jalan cerita), tokoh, penokohan, amanat, tempat dan waktu (Burhan Nurgiantoro, 2012), manakala bahasa adalah ayat, kosa kata dan ejaan dan tanda baca.

Ujian pra dan pasca yang dilaksanakan memiliki tema yang sama iaitu cerita tentang kemanusiaan. Hasil penulisan karangan cerpen dalam kajian ini dioperasionalisasikan melalui skor ujian pra dan pasca berpandukan skema pemarkahan dan kriteria penskoran (Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan, 2013). Dalam kajian ini, ujian pra penulisan karangan cerpen dilaksanakan sebelum pendedahan dengan BBM bagi ketiga-tiga kumpulan, manakala ujian pasca dijalankan selepas pendedahan. Perbandingan skor ujian pra dan pasca daripada kedua-dua ujian dioperasionalisasikan melalui skor ujian pra dan pasca berpandukan skema pemarkahan dan kriteria penskoran (Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan, 2013).





Dalam kajian ini, ujian pra penulisan karangan cerpen dilaksanakan sebelum pendedahan dengan BBM bagi ketiga-tiga kumpulan. Kumpulan satu didedahkan dengan aplikasi Peta Minda Konstruktif Imajinatif (PMKI), kumpulan dua dengan Peta Minda Vee (PMV) dan kumpulan tiga dengan Peta Konsep (PK).

1.10.6 Sikap Pelajar

Dalam kajian ini sikap pelajar adalah suatu bentuk evaluasi atau reaksi perasaan menyokong atau tidak menyokong terhadap suatu objek (Saifuddin Azwar, 2009). Selanjutnya, Hamzah B. Uno, Masri Kudrat Umar & Keysar Panjaitan (2014) mengemukakan bahawa sikap merupakan kecenderungan untuk bertindak secara positif terhadap objek tertentu, institusi, konsep atau seseorang. Dalam kajian ini sikap pelajar adalah sikap terhadap aplikasi PMKI, PMV dan PK.

Bagi kajian ini, sikap merupakan reaksi tindakan dan tingkah laku yang menurut dan menerima segala fenomena yang melibatkan kaedah penulisan yang digunakan. Subskala sikap keyakinan, kesukaan, dan usaha akademik dengan aplikasi PMKI, PMV dan PK dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan cerpen diukur dalam kajian ini. Pengukuran sikap keyakinan, kesukaan dan usaha akademik adalah antara pengukuran penting dalam memperlihatkan penglibatan aktif pelajar, seterusnya untuk meninjau hasil penulisan karangan cerpen mereka.

Sikap pelajar diukur daripada ketiga-tiga kumpulan iaitu kumpulan yang didedahkan dengan Peta Minda Konstruktif Imajinatif, Peta Minda Vee dan Peta





Konsep. Pengkaji menggunakan data yang dikumpul daripada soal selidik. Soal selidik yang diedarkan kepada ketiga-tiga kumpulan mengandungi 45 item dalam tiga subskala sikap iaitu keyakinan, kesukaan dan usaha akademik. Sikap pelajar terhadap penggunaan PMKI, PMV dan PK dioperasionalisasikan melalui skor item mengikut subskala.

